

14/10/1999

16 sungai alami pencemaran serius

Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Rabu - Enam belas sungai di seluruh negara, termasuk Sungai Sepang di Selangor, dikenal pasti sebagai sungai yang mencapai tahap tercemar serius.

Sungai lain ialah Sungai Buloh dan Klang (Selangor), Sungai Miri dan Lutong (Sarawak); Sungai Balok (Pahang); Sungai Merbok (Kedah); Sungai Landas (Terengganu); Sungai Jimah (Negeri Sembilan); Sungai Jejawi, Juru dan Pinang (Pulau Pinang) serta Sungai Air Baloi, Tangkak, Segget, Tukang Batu dan Kempas (Johor).

Pencemaran Sungai Sepang mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas ternampak air sungai itu yang berwarna hitam pekat, ketika pulang ke tanah air dari Zimbabwe minggu lalu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata kajian terbaru yang dijalankan Jabatan Alam Sekitar (JAS) itu mendapati pencemaran semua sungai berkenaan disebabkan oleh tiga faktor utama.

Faktor berkenaan ialah bahan ammoniakal nitrogen dari kumbahan najis ternakan sebanyak 43 peratus, pepejal terampai daripada pembersihan dan kerja tanah (34 peratus) serta kegiatan pembuatan dan pertanian (21 peratus).

Sehubungan itu, katanya, kementerian mencadangkan supaya kawalan pencemaran dan penguatkuasaan dapat ditingkatkan dengan bantuan agensi seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH), Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Indah Water Konsortium (IWK) dan JAS.

"Usaha kawalan dan penguatkuasa dengan bantuan agensi terbabit diharap dapat membaiki kualiti air sungai walaupun mungkin tidak dapat dipulihkan sepenuhnya," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, JPS perlu meneruskan usaha pembersihan secara fizikal ke atas sungai tercemar selain mengadakan kempen Cintai Sungai Kita dan sebagainya.

Beliau berkata, PBT pula diharap dapat mengawal masalah kelodak dan hakisan akibat kerja tanah yang tidak terkawal, pembangunan termasuk kilang haram dan setinggan yang membuang bahan kotoran ke dalam sungai.

"JPH pula perlu mengawal buangan najis binatang ternakan, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dan IWK mengawal buangan kumbahan supaya mematuhi standard yang ditetapkan serta Jas menguatkuasakan undang-undang supaya efluen industri dan bahan kumbahan yang dikeluarkan mematuhi standard," katanya.

Selain 16 sungai yang tercemar itu, beliau mengumumkan 33 daripada 120 sungai di seluruh negara berada pada tahap bersih manakala 71 sungai lagi sebagai sederhana tercemar.

Mengenai usaha menangani masalah pencemaran sungai sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang, beliau berkata kementerianya sudah merangka pelan pemulihan dan pengurusan sungai yang membabitkan kos bernilai RM3 juta di lembangan sekitarnya.

Katanya, kajian bagi menyediakan pelan itu merangkumi elemen seperti sumber pencemaran, menyediakan reka bentuk terperinci bagi menjalankan kerja pembersihan dan pemulihan lembangan sungai berkenaan, termasuk kos pembersihan.

"Dua lembangan di Subang iaitu Sungai Damansara dan Sungai Buloh diklasifikasikan sebagai sangat tercemar dengan airnya berwarna hitam.

Sungai Sepang juga berwarna hitam tetapi mungkin turut disebabkan kedudukannya yang terletak di atas tanah gambut selain masalah kumbahan najis babi," katanya.

(END)